

From: Welcome Centre
Sent: Wednesday, 7 February, 2018 1:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Staff; Staf - Pesara UUM
Subject: SEKENTAL SEMANGAT ANGGOTA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



07 FEBRUARI 2018 / 21 JAMADILAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SEKENTAL SEMANGAT ANGGOTA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



ANJUNG TAMU ONLINE: Ramai orang beranggapan tugas anggota bomba dan penyelamat hanya memadam api tetapi hakikatnya anggota bomba bertugas meliputi pelbagai jenis tugas yang kebanyakannya menghulurkan pengorbanan kepada orang lain. Malahan tugas mereka tidak boleh di pandang ringan.

Dalam erti kata lain, hanya mereka yang berjaya dan terpilih sahaja diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab ini kerana kebanyakan tugas yang dilakukan adalah berkaitan dengan pengorbanan dan tidak boleh dilakukan oleh sebarang orang.

Kehadiran anggota bomba dan penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia - Kedah ke UUM bukan sekadar menambah ilmu dalam pengurusan *Team Building* namun mereka juga terpanggil untuk Discover UUM di Welcome Centre supaya selok belok kampus dapat ditinjau sebagai nilai tambah.

Penguasa Bomba, Mohd. Sham Kamarruddin berkata, “Mendedahkan anggota bahagian siasatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kepada kaedah kawalan diri dan emosi apabila berhadapan dengan situasi sukar dan di luar jangkaan.” Jelaslah, anggota bomba harus pasrah dan bersedia untuk menghadapi apa jua rintangan dalam semua aspek termasuklah dalam bidang tugas yang mencabar.

Justeru, persekitaran damai kampus di rimba hijau menepati elemen kawalan emosi bagi melatih minda anggota bahagian siasatan JBPM yang turut mendapat informasi tentang prasarana serta lokasi tumpuan yang menjadi tarikan semua pihak ke UUM.

Mohd. Sham berkata, “Anjung Tamu menjadi pusat sehati bagi pengunjung-pengunjung umum untuk mendapatkan maklumat. Kami menerima layanan yang amat mesra.”

Turut mengiringi mereka dalam aktiviti Discover UUM sekitar kampus, Penerbit Rancangan Unifilm Studio, Suhaimi Ismail.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my> Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.